

# PENGGUNAAN DIALEK DALAM NOVEL *SEORANG TUA DI KAKI GUNUNG*

*(The Use of Dialect in the Novel Seorang Tua di Kaki Gunung)*

Haslina Haroon  
haslina@usm.my

Adilah Zabir  
adilahzabir@yahoo.com.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Disember 2018

Sila rujuk: Haslina Haroon & Adilah Zabir. (2018). Penggunaan dialek dalam novel *Seorang tua di kaki gunung*. *Jurnal Bahasa* 18(2), 286-318.

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan penggunaan perkataan dialek Melayu dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* karya Azizi Haji Abdullah. Jenis perkataan dialek yang terkandung dalam teks sumber ditentukan berpandukan definisi dialek secara umum oleh Collins (1989) dan klasifikasi khusus perkataan dialek oleh Asmah (2008), Mohammed Azlan dan Idris (2014) dan *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2015). Kajian ini mendapati bahawa terdapat sebanyak 68 perkataan dialek Melayu dalam teks sumber, iaitu 53 perkataan dialek geografi (perkataan dialek Kedah atau Utara, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan) dan 15 perkataan dialek sosial (perkataan arkaik, bahasa percakapan dan sastera lama). Penggunaan dialek Kedah atau Utara yang ketara di samping beberapa dialek sosial dilihat amat berkait rapat dengan konteks latar masa, tempat dan masyarakat dalam novel dan latar belakang pengarang sendiri.

Kata kunci: novel, sastera, Azizi Haji Abdullah, dialek Melayu

**Abstract**

*This study aims to identify and discuss the use of Malay dialectal words in the novel, *Seorang Tua di Kaki Gunung*, by Azizi Haji Abdullah. The types of dialectal words in the source text are determined based on the general definition of dialect by Collins (1989) and the detailed classification of dialectal words by Asmah Haji Omar (2008), Mohammed Azlan Mis and Idris Aman (2014) and Kamus Dewan Edisi Keempat (2015). The findings show that there are 68 Malay dialectal words in the source text, of which 53 are in the category of geographical dialect (Kedah or Northern, Kelantan, Terengganu, Pahang and Negeri Sembilan dialects) while the remaining 15 are in the category of social dialect (archaic words, colloquial words and words from classical literature). The apparent use of the Kedah or Northern dialect besides other social dialects is closely related to the time, place and social settings of the novel as well as the author's own background.*

*Keywords: novel, literature, Azizi Haji Abdullah, Malay dialect*

## **PENDAHULUAN**

Dialek secara umumnya wujud dalam setiap bahasa, kerana setiap penutur sesuatu bahasa sebenarnya menggunakan sekurang-kurangnya satu jenis dialek bagi bahasa tersebut (Zuck & Goodman, 1972, p. 500). Walaupun dialek sering kali dikaitkan dengan percakapan harian, dialek juga tidak asing dalam karya penulisan, khususnya dalam bidang kesusasteraan. Penggunaan dialek dalam karya sastera seperti puisi, drama, cerpen dan novel kadangkala menjadikannya istimewa seterusnya membantu meningkatkan populariti karya tersebut sehingga terkenal bukan sahaja di dalam negara tetapi juga pada peringkat antarabangsa. Antaranya termasuklah karya fiksi seperti *The Adventures of Huckleberry Finn* oleh Mark Twain dan *Pygmalion* oleh George Bernard Shaw di samping adaptasinya kepada bentuk pementasan muzikal, iaitu *My Fair Lady*.

Di Malaysia, penggunaan dialek dalam kehidupan masyarakat amat lumrah dan sinonim dengan identiti kedaerahan atau kenegerian. Selain digunakan dalam pertuturan harian, dialek turut dimanfaatkan oleh penulis karya sastera tempatan, khususnya cerpen dan novel dalam penulisan mereka. Antara nama dan karya yang tidak asing dalam dunia sastera Melayu di Malaysia termasuklah Shahnon Ahmad (*Ranjau Sepanjang Jalan, Seluang Menodak Baung*), S. Othman Kelantan (*Angin Timur Laut, Juara*), Azizi

Haji Abdullah (*Seorang Tua di Kaki Gunung, Kawin-kawin*), Fatimah Busu (*Nasinya Tumpah, Anak-Anak dari Kampung Pasir Pekan*), dan Zakaria Ali (*Empangan*). Kepelbagaian latar belakang sosial dan geografi penulis tersebut kebiasaannya terpapar melalui penggunaan dialek dalam karya mereka. Karya tersebut mendapat sambutan yang baik kerana terdapat perincian yang halus tentang keadaan kehidupan masyarakat, isu kemasyarakatan yang realistik dan mesej yang bermakna kepada pembaca.

## DIALEK

Topik perbincangan dalam dialektologi tradisional atau bidang kajian dialek sering kali merujuk perbezaan bahasa berdasarkan daerah (*regional differences*) (Petyt, 1980, p. 27) atau variasi ruang (*spatial variation*) (Chambers & Trudgill, 1998, p. 89). Dialek sering kali dianggap berkaitan dengan aspek geografi. Dialek juga boleh dibezakan berpandukan aspek sosial, selaras dengan takrifan dialek yang dikemukakan oleh pelbagai sarjana. Menurut *Kamus Linguistik* (1997), dialek ialah kelainan bahasa yang berbeza dari segi sebutan, tatabahasa dan kosa kata daripada bahasa baku. Secara tuntasnya, dialek terbahagi kepada dua kategori, iaitu dialek geografi dan dialek sosial.

Chambers dan Trudgill (1998, p. 89) merujuk dialek geografi sebagai ragam bahasa yang berbeza bagi kawasan geografi tertentu yang terbahagi melalui “isoglos”, iaitu penanda sempadan antara dua kawasan atau daerah yang berbeza dari segi ciri-ciri linguistiknya, misalnya, sebutan dan kosa kata. Sungguhpun begitu, titik pembahagian muktamad antara dialek geografi yang saling bersebelahan tidak wujud kerana perbezaan dialek berlaku secara kumulatif, iaitu semakin luas jurang geografi, semakin sukar pemahaman pertuturan antara masyarakat daripada kawasan yang berbeza (Chambers & Trudgill, 1998, p. 5). Hubungan antara dialek-dialek kawasan adalah lebih bersifat rantai atau lilitan yang saling bertindih berbanding urutan (Asmah, 2008, p. 125). Hal ini merupakan rasional di sebalik kewujudan persamaan dalam dialek geografi yang berbeza, misalnya melalui perkongsian perkataan dialek.

Malaysia merupakan sebuah negara yang amat kaya dengan kepelbagaian dialek geografi atau daerah khususnya dalam konteks bahasa Melayu. Di Semenanjung Malaysia, dialek terbahagi kepada tujuh kumpulan (Asmah, 2008, pp. 153-155), iaitu (1) dialek Kedah (meliputi kawasan Perlis, Kedah (termasuk Pulau Langkawi), Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga Taiping), (2) dialek Perak (meliputi kawasan Perak Tengah), (3) dialek

selatan (meliputi Perak Selatan, Selangor, Melaka dan Johor), (4) dialek Kelantan (negeri-negeri di sebelah timur laut Semenanjung Malaysia, iaitu Kelantan, sempadan Pahang dan Terengganu), (5) dialek Terengganu (bahagian timur Semenanjung Malaysia), (6) dialek Pahang (negeri Pahang), dan (7) dialek Negeri Sembilan. Setiap kawasan tersebut dibahagikan kepada pelbagai subkawasan lain yang terletak dalam sempadan masing-masing. Pembahagian batas kawasan dialek tidak semestinya berdasarkan batas negeri atau pentadbiran memandangkan sesuatu dialek juga dituturkan di beberapa buah negeri yang berlainan. Selain dialek yang digunakan di kawasan tersebut, terdapat juga dialek Melayu yang dituturkan oleh golongan orang asli. Di Sabah dan Sarawak pula, pertuturan masyarakat dibezakan melalui kepelbagaian bahasa; oleh itu tidak terangkum dalam skop perbincangan dialek (Asmah, 2008, p. 153).

Dialek sosial pula ialah ragam bahasa bagi sesuatu kelas sosial atau kumpulan pekerja dalam sesebuah kelompok masyarakat (Nordquist, 2017). Dialek kategori ini ditandai oleh beberapa ciri sosial (Chambers & Trudgill, 1998, pp. 57-67 & 72), iaitu: (1) bahasa dan kelas sosial, (2) stilistik atau gaya bahasa, (3) jantina, (4) umur, (5) kumpulan bahasa dan etnik, (6) jaringan sosial dan (7) perwatakan atau ciri-ciri individu. Kesemua ciri sosial ini saling berkaitan memandangkan seseorang penutur dialek sosial secara asasnya memiliki gabungan tersendiri setiap ciri tersebut. Antara contoh dialek sosial yang umum di Malaysia dalam konteks bahasa Melayu termasuklah bahasa standard, bahasa formal, bahasa tidak formal, bahasa halus, bahasa kasar, bahasa istana, bahasa pasar dan bahasa slanga (Mohammed Azlan & Idris, 2014, p. 24). Dalam konteks negara luar, contoh dialek sosial seperti di United Kingdom, iaitu *Standard British English* dan pelbagai bahasa slanga (Nordquist, 2017).

Kedua-dua dialek geografi dan sosial saling berkait antara satu sama lain (Petyt, 1980, p. 28), seperti yang digambarkan oleh Chambers & Trudgill (1998, p. 45) dalam petikan berikut:

*All dialects are both regional and social. All speakers have a social background as well as a regional location, and in their speech they often identify themselves not only as natives or inhabitants of a particular place but also as members of a particular social class, age group, ethnic background, or other social characteristics.*

Dalam konteks negara luar khususnya negara Barat seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat, hal sedemikian amat jelas. Seperti di

Great Britain dan Ireland Utara, penutur dialek geografi atau kedaerahan biasanya terdiri daripada kelompok sosial bawahan, khasnya kelompok pekerja bawahan (Trudgill, 1979, p. 9). Pertuturan dialek oleh kelompok ini sering kali mempunyai konotasi negatif yang berhubung kait dengan taraf hidup masyarakat bawahan. Hal sedemikian amat berbeza malah berlawanan dengan keadaan di Malaysia, seperti yang diterangkan oleh Asmah (2015, p.14):

Prestij sosial dalam kalangan orang Melayu dikaitkan dengan kehalusan bahasa, dan bahasa yang halus itu boleh diwujudkan, bahkan lebih realistik diwujudkan, melalui dialek. Bahkan bahasa standard, lebih-lebih lagi yang dibawa oleh bahasa sebutan baku, kedengaran kurang halus dan tidak mempunyai irama yang menarik.

Di Malaysia, dialek kebiasaannya lebih bersifat *regional* atau kedaerahan. Menurut Asmah (2008, pp. 148-149) lagi, setiap penutur bahasa Melayu boleh menguasai dua atau lebih dialek (dwidialek), sebagai contoh bahasa standard dan juga mana-mana dialek lain yang boleh didapati dari mana-mana kawasan sekitaran pergaulan.

Di Malaysia, begitu banyak kajian yang berkaitan dengan dialek telah dilakukan. Collins (2018) telah mengumpulkan semua kajian berkaitan dialek Melayu sehingga tahun 1995 dalam *Bibliografi Dialek Melayu Semenanjung Tanah Melayu*. Bibliografi ini mengumpulkan rujukan bagi semua tulisan dan penerbitan berkaitan semua dialek Melayu yang dituturkan bukan sahaja di Semenanjung Tanah Melayu, malah juga di Singapura, Thailand Selatan dan Kepulauan Riau di Indonesia.

## **PENGGUNAAN DIALEK DALAM TEKS KESUSASTERAAN**

Dalam teks bertulis, dialek dapat dikenal pasti berdasarkan penanda ortografi atau fonologi, morfologi, leksikal dan sintaksis (Asmah, 2008, p. 153; Berezowski, 1997, pp. 42-43; Dimitrova, 1997, p. 52; Mohammed Azlan & Idris, 2014, pp. 23-24). Mengulas tentang kaedah penggunaan dialek yang umum dalam penulisan di Barat, Taylor (2014) menyebut tentang kaedah *dialect lite* yang menjadi pilihan Hilary Mantel, seorang pengarang fiksiyen sejarah terkenal di United Kingdom. Kaedah ini memanfaatkan dialek secara ringan melalui pemilihan kosa kata dan sintaksis yang memudahkan pembacaan. Antara pengarang terkemuka lain yang turut mengaplikasikan kaedah penggunaan dialek ini dalam karya

mereka termasuklah Toni Morrison (*Beloved*), Maya Angelou (*I Know Why the Caged Bird Sings*), Andrea Levy (*Small Island*) dan Charlotte Brontë (*Jane Eyre*). Berbeza daripada pengarang tersebut, Mark Twain memilih untuk menggunakan dialek secara ketara dalam karya beliau, seperti dalam fiksiyen *The Adventures of Huckleberry Finn*. Walaupun beliau menerima banyak kritikan negatif (Herrera, 2014, pp. 279-280), Twain (2008, p. viii) tetap dengan pendiriannya dan menegaskan kepentingan penggunaan dialek dalam karya beliau.

*In this book a number of dialects are used, to wit: the Missouri Negro dialect; the extremest form of the backwoods South-Western dialect; the ordinary 'Pike-County' dialect; and four modified varieties of this last. The shadings have not been done in a haphazard fashion, or by guesswork; but painstakingly, and with the trustworthy guidance and support of personal familiarity with these several forms of speech. I make this explanation for the reason that without it many readers would suppose that all these characters were trying to talk alike and not succeeding.*

Karya *The Adventures of Huckleberry Finn* (1884) amat bergantung pada penggunaan dialek yang berat khususnya melalui pertuturan wataknya. Twain ingin menyampaikan mesej kritikan atau lebih tepat lagi sindiran terhadap sikap perkauman yang amat kuat di negara kelahiran beliau sendiri, iaitu Amerika Syarikat sekitar waktu karya tersebut diterbitkan. Beliau juga berhasrat memaparkan pelbagai diskriminasi yang perlu dihadapi oleh kaum kulit hitam di negara tersebut pada waktu itu (Herrera, 2014, p. 281).

Justifikasi penggunaan dialek oleh Twain dalam karya beliau seperti yang diulas menggambarkan bahawa dialek tidak digunakan secara kebetulan sebaliknya berperanan atau mempunyai fungsi penting dalam karya sastera. Fungsi tersebut, sama ada bersifat khusus atau umum, bergantung pada perkara atau mesej yang ingin diutarakan oleh penulis kepada pembaca. Kebiasaannya, fungsi umum dialek dalam karya sastera khususnya dalam fiksiyen adalah seperti alat gaya bahasa (*stylistic means*) atau medium penceritaan watak (Dimitrova, 2004, pp. 122 & 125). Selain itu, dialek berperanan sebagai alat penyampaian maklumat dengan mewujudkan konteks dan latar belakang sosioekonomi penutur dialek yang terdapat dalam karya tertentu (Lung, 2000, pp. 273-274).

Selain fungsi khusus, penggunaan dialek dalam penulisan seperti dalam novel Twain (2008), dalam novel *The Sound and the Fury* (1929) karya

William Faulkner, dialek Afrika-Amerika yang digunakan berperanan sebagai fokalasis, iaitu sudut pandangan naratif yang membantu pembaca mengenal pasti bahawa perkara dan ungkapan yang terkandung dalam teks tersebut adalah dari perspektif watak tertentu (Määttä, 2004, p. 319). Dalam sebuah novel berbahasa Finland yang bertajuk *Koillismaa* (1960) oleh Kalle Päätalo, dialek bukan sahaja penting bagi menggambarkan konteks sosiobudaya di sebuah daerah yang bernama Koillismaa di Finland, malah menambah unsur humor yang menceriaikan masyarakat luar bandar, majoritinya pembalak dan pekebun kecil, yang menghadapi kehidupan yang susah di daerah tersebut (Leppihalme, 2000, p. 256). Dalam novel berbahasa Sweden pula bertajuk *Din stund på jorden* (*A Time on Earth*) karya Vilhelm Moberg, dialek turut berperanan sebagai lokalisasi, iaitu penanda yang menunjukkan perbezaan tempat dan masa yang terdapat dalam fiksiyen tersebut kepada pembaca (Dimitrova, 1997, p. 125).

Penggunaan dialek dalam sesebuah karya fiksiyen bukanlah satu perkara yang mudah kerana penulis perlu memikirkan bukan sahaja kesan penceritaan malah kesan pemahaman pembaca terhadap karya tersebut. Jika tidak berhati-hati, kehadiran dialek dalam karya penulisan menjadi “halangan” yang melambatkan dan mengganggu proses pembacaan. Namun begitu, apabila “halangan” tersebut berjaya dilepasi, kehadiran dialek memberikan akses secara peribadi dalam pemikiran dan perasaan watak yang terdapat dalam sesebuah karya tersebut kepada pembaca (Taylor, 2014). Oleh itu, walaupun berisiko, penggunaan dialek dalam sesebuah karya fiksiyen dapat memberikan kesan pembacaan yang berbeza dan lebih menarik kepada pembaca sekiranya diterima atau difahami jika dibandingkan dengan teks yang sama yang diceritakan menggunakan bahasa standard.

## **NOVEL SEORANG TUA DI KAKI GUNUNG**

Novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* ialah hasil karya Azizi Haji Abdullah. Novel ini berjaya merangkul hadiah Sayembara Novel GAPENA-Yayasan Sabah II (1982) dan pernah dijadikan teks wajib untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selama lima tahun bermula pada tahun 1984 (Nursham, 2015, p. 80). *Seorang Tua di Kaki Gunung* ialah rentetan perkembangan daripada cerpen “Cengai Batu” yang juga karya Azizi Haji Abdullah dan diterbitkan dalam majalah *Dewan Masyarakat* (Azizi Haji Abdullah, 2007, p. 100). Cerita ini diilhamkan daripada keratan akhbar yang pernah dibaca oleh Azizi yang memaparkan berita seorang lelaki tua di Afghanistan yang menderita sakit apabila sebuah

tiang bangunan besar menimpa paras pinggangnya akibat gempa bumi yang melanda, lalu meminta isterinya untuk menggergaji sahaja pahanya agar badannya yang tertindih dapat ditarik keluar (Azizi Haji Abdullah, 2007, p. 101). Lelaki tua tersebut dijelmakan sebagai watak utama dalam novel ini, iaitu Tukya, manakala isterinya yang dibayangkan oleh Azizi sebagai seorang yang taat dan patuh kepada suaminya dijelmakan sebagai watak Besah.

Tema dan isunya tentang jurang perbezaan pemikiran dan gaya hidup antara generasi muda di bandar dengan generasi tua di kampung yang dibangkitkan adalah seiring dengan penceritaan novel ini yang berlatarbelakangkan masyarakat pedalaman kampung di kaki Gunung Bongsu di daerah Kulim, Kedah. Suatu perkara yang menjadi keistimewaan novel ini ialah penerapan perkataan dialek, khususnya dialek Kedah dan beberapa dialek sosial. Penggunaan dialek bukan sahaja dalam ujaran watak-watak dalam novel tersebut malah dalam penceritaan penulis. Hal ini turut diakui oleh Tengku Intan Marlina (2006) yang mengatakan bahawa dialek Kedah banyak sekali digunakan dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung*. Dialek tersebut dilihat bukan sahaja berperanan sebagai salah satu daripada aspek gaya bahasa ilham kreatif daripada penulis tetapi juga sebagai alat bantu penting untuk membantu pembaca memahami watak-watak dalam novel tersebut. Selain itu, penggunaannya untuk menyampaikan serta mengukuhkan tema, persoalan, isu dan mesej yang diselitkan oleh penulis. Dialek Kedah yang digunakan membantu menerbitkan kesan warna tempatan terhadap seluruh jalan penceritaan novel tersebut (Sahlan, 1984, pp. 4-5).

Secara umumnya, penggunaan dialek yang jelas dalam hasil karya penulis tempatan membuka peluang kepada para pengkaji untuk meneliti dialek bahasa Melayu yang dimanfaatkan dalam hasil karya mereka. Secara khususnya pula, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan membincangkan penggunaan kata dialek Melayu oleh Azizi Haji Abdullah dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung*.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini melibatkan beberapa peringkat. Untuk memperoleh data kajian, perkataan dialek dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* dikenal pasti terlebih dahulu secara manual. Dialek dikenal pasti dengan terlebih dahulu mengekstrak perkataan tidak standard daripada teks sumber, iaitu berdasarkan takrifan penggunaan bahasa tidak standard oleh Lung (2000, p. 268) seperti berikut:



... *Non-standard usage is a language style that deviates from accepted and recognised norms in a specific speech community. In formal terms, dialect is therefore a form of non-standard usage. However, non-standard usage may also take on different forms across languages, and, of course, between language families.*

Menurut Lung (2000, pp. 273-274), bahasa tidak standard seperti dialek digunakan oleh para penulis sebagai alat untuk menyampaikan pelbagai jenis maklumat, misalnya untuk mencirikan watak dan mewujudkan konteks dan latar belakang sosioekonomi penutur sesebuah dialek tersebut. Kajian ini mendapati bahawa terdapat 249 perkataan tidak standard dalam novel yang dikaji (rujuk Lampiran A untuk senarai perkataan tidak standard).

Seterusnya, dengan menggunakan senarai perkataan tidak standard yang diperolehi, penyaringan dilakukan untuk mendapatkan senarai perkataan dialek. Pengenalpastian dialek dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* dilakukan dengan merujuk makna dan label perkataan dalam beberapa sumber rujukan rasmi bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), iaitu (1) *Siri Glosari Dialek Melayu Semenanjung*, (2) *Kamus Dewan Edisi Keempat* dan (3) *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)* (DBP, 2013, 2015, 2016 & 2017). Contoh label perkataan dialek geografi

## A

**acaq** [a.tʃɑʔ] kata nama  
takungan air kotor, biasanya di luar rumah  
sebelah dapur, limbahan.  
Ayat Dialek : Bau acaq tepi rumah  
tu busuk.  
Sebutan Dialek : [baw a.tʃɑʔ tɛ.pi ru.mah  
tu bu.suʔ]  
Maksud Ayat : Bau limbahan di tepi rumah  
itu busuk.

**kerenyeh** (kerenyéh) Kd tersengih, kerisin:  
*Amboi, senang hati dok ~.*

Kata	Takrif	Sumber
kerenyeh	(kerenyéh) Kd tersengih, kerisin: Amboi, senang hati dok ~.	Kamus Dewan Edisi Keempat

**Rajah 1** Contoh label perkataan dialek geografi dalam *Glosari Dialek Kedah* Edisi Kedua, *Kamus Dewan Edisi Keempat* dan PRPM (DBP, 2015 & 2017)

**misan I bp manisan.**  
**misan II Jk saudara sepupu.**

Kata	Takrif	Sumber
misan II	Jk saudara sepupu.	Kamus Dewan Edisi Keempat
misan I	bp manisan.	Kamus Dewan Edisi Keempat

**Rajah 2** Contoh label perkataan dialek sosial dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* dan PRPM (DBP, 2015 & 2017)

dan label perkataan dialek sosial dalam sumber ini dapat dilihat dalam Rajah 1 dan Rajah 2.

Peringkat yang kedua pula melibatkan pengklasifikasian dialek Melayu yang dikenal pasti. Untuk tujuan ini, kajian ini memanfaatkan klasifikasi umum dialek oleh Collins (1989, p. xx):

... kebanyakan ahli dialektologi mentakrifkan dialek sebagai suatu ragam bahasa yang dapat dibedakan dengan agak tegas daripada ragam-ragam lain melalui ciri-ciri lafaz, kosa kata atau tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat di dalam daerah geografi tertentu atau di dalam suasana sosial tertentu. Jelas bahawa dua jenis ilmu terkandung dalam definisi: kajian dialek daerah dan kajian dialek sosial.

Kemudian, kajian ini mengambil kira klasifikasi khusus dialek geografi khasnya di Semenanjung Malaysia oleh Asmah (2008, pp. 153-155) dan klasifikasi dialek sosial seperti yang diutarakan oleh Mohammed Azlan dan Idris (2014).

Akhir sekali, pengklasifikasian dialek Melayu dilengkapi dengan merujuk senarai label atau kependekan perkataan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (DBP, 2015). Label atau kependekan dalam kamus tersebut yang berkaitan dengan contoh kategori dialek geografi dan dialek sosial seperti yang dinyatakan oleh Asmah (2008) serta Mohamed Azlan dan Idris (2014) dimanfaatkan sebagai kategori khusus dialek geografi dan dialek sosial dalam kajian ini. Label ini dapat dilihat dalam Rajah 3.

Hasilnya, berdasarkan gabungan klasifikasi dialek oleh Collins (1989), Asmah (2008), Mohamed Azlan dan Idris (2014) dan senarai label atau

**KEPENDEKAN**

Ar	-	Arab	Mn	-	Minangkabau
Br	-	Brunei	NS	-	Negeri Sembilan
C	-	Cina	Ph	-	Pahang
IB	-	Indonesia Belanda	Pl	-	Perlis
Id	-	Indonesia	Pn	-	Pulau Pinang
Jh	-	Johor	Pr	-	Perak
Jk	-	Jakarta	Sb	-	Sabah
Jw	-	Jawa	Si	-	Singapura
Kd	-	Kedah	Sl	-	Selangor
Kl	-	Kelantan	Sr	-	Sarawak
Ml	-	Melaka	Tr	-	Terengganu
ark	-	arkaik	ki	-	kiasan
bd	-	bahasa dalam	kpd	-	kepada
bh	-	bahasa halus	lwn	-	lawan
bk	-	bahasa kasar	mis	-	misalnya
bkn	-	berkenaan (dengan)	pd	-	pada
bp	-	bahasa percakapan	prb	-	peribahasa
dgn	-	dengan	sbg	-	sebagai
dll	-	dan lain-lain	sj	-	sejenis
dlm	-	dalam	sl	-	sastera lama
dr	-	dari	spt	-	seperti
drpd	-	daripada	sr	-	seruan
dsb	-	dan sebagainya	utk	-	untuk
kep	-	kependekan	yg	-	yg
Ant	-	antropologi	Mat	-	matematik
Ast	-	astronomi	Muz	-	seni muzik
Bio	-	biologi	Pol	-	politik
Cetak	-	percetakan	Pos	-	pos
Eko	-	ekonomi	Psi	-	psikologi
ERT	-	ekonomi rumah tangga	S.Bina	-	seni bina
Fiz	-	fizik	S.Lukis	-	seni lukis
Geo	-	geologi	Sas	-	kesusasteraan
Geog	-	geografi	Sej	-	sejarah
Hut	-	perhutanan	Sos	-	sosiologi
Kej	-	kejuruteraan	Suk	-	sukan
Kim	-	kimia /sains nuklear	Tadb	-	pentadbiran
Kom	-	komunikasi	Tani	-	pertanian
Komp	-	komputer dan telekomunikasi	Tks	-	tekstil
Lin	-	linguistik	Ubat	-	perubatan
Marin	-	marin	Udg	-	Undang-undang

ii

**Rajah 3** Senarai penuh label dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (DBP, 2015)

kependekan *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2015), yang terbentuk adalah seperti dalam Jadual 1.

Untuk menentukan jenis dialek yang digunakan dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung*, perkataan dialek yang diekstrak diklasifikasikan dengan menggunakan gabungan klasifikasi ini.

**Jadual 1** Gabungan klasifikasi dialek oleh Collins (1989) dan ciri-ciri setiap kategori oleh Asmah (2008) , Mohammad Azlan dan Idris (2014) dan *Kamus Dewan edisi Keempat* (DBP, 2015).

<b>Klasifikasi Dialek</b>	
<b>Kategori Geografi</b>	<b>Kategori Sosial</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialek Kedah (Kd)                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialek Perlis (Pi)</li> <li>• Dialek Kedah (termasuk Langkawi)</li> <li>• Pulau Pinang (Pn)</li> <li>• Perak Utara sehingga Taiping</li> </ul> </li> <li>• Dialek Kelantan (l)</li> <li>• Dialek Pahang (Ph)</li> <li>• Dialek Negeri Sembilan</li> <li>• Dialek Perak (Pr)</li> <li>• Dialek Selatan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialek Perak selatan</li> <li>• Selangor (Si)</li> <li>• Melaka (Ml)</li> <li>• Johor (Jh)</li> </ul> </li> <li>• Dialek Terengganu (Tr)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ark (arkaik)</li> <li>• bd (bahasa dalam)</li> <li>• bh (bahasa halus)</li> <li>• bk (bahasa kasar)</li> <li>• bp (bahasa percakapan)</li> <li>• sl (sastera lama)</li> </ul>

### **KLASIFIKASI DIALEK DALAM NOVEL *SEORANG TUA DI KAKI GUNUNG***

Secara keseluruhan, terdapat 68 perkataan yang dikenal pasti sebagai dialek dan diklasifikasikan kepada kategori khusus berpandukan gabungan klasifikasi dialek seperti yang telah diterangkan.

Kajian ini hanya meneliti dialek pada peringkat leksikal, iaitu elemen dialek dalam bentuk perkataan memandangkan novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* tidak mempunyai elemen dialek yang ditandakan pada peringkat linguistik lain seperti fonologi, ortografi (melainkan satu perkataan, iaitu “cengai” atau pokok cengal), atau sintaksis. Selain itu, dialek yang dikenal pasti, disenaraikan dan diklasifikasikan juga terhadap kepada perkataan berikut: (1) perkataan yang tersenarai; dan (2) mempunyai label khusus (seperti Kd, Pn, Kl, Ph, NS, Jh, Ml, Pl, Pr, Sl, Tr, ark, bd, bh, bk, bp, sl) dalam sumber rujukan rasmi bahasa Melayu oleh DBP sahaja, (3) perkataan

yang berkaitan dengan bahasa Melayu yang berasal dari Malaysia, dan (4) perkataan yang mempunyai maksud yang bersesuaian dengan konteks penggunaan teks sumber. Ringkasnya, perkataan tidak standard yang dikenal pasti pada peringkat awal pembacaan yang tidak tersenarai dan/atau tidak berlabel dalam ketiga-tiga sumber rujukan rasmi bahasa Melayu oleh DBP [*Siri Glosari Dialek Melayu Semenanjung, Kamus Dewan* Edisi Keempat dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)], tidak berkaitan dengan bahasa Melayu yang berasal dari Malaysia dan tidak mempunyai maksud yang berkaitan dengan konteks penggunaan teks sumber tidak akan diambil kira dalam kajian ini.

Terdapat dua klasifikasi umum dialek yang dikenal pasti dalam novel ini, iaitu dialek geografi dan dialek sosial. Dialek geografi merangkumi subkategori dialek berikut: (1) Dialek Kedah atau turut dikenali sebagai Dialek Utara yang turut merangkumi dialek Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara; (2) Dialek Kelantan; (3) Dialek Pahang; (4) Dialek Negeri Sembilan; (5) Dialek Perak; (6) Dialek Selatan (Perak Selatan, Selangor, Melaka dan Johor); dan (7) Dialek Terengganu. Dialek sosial pula merangkumi subkategori berikut: (1) bahasa arkaik; (2) bahasa dalam; (3) bahasa halus; (4) bahasa kasar; (5) bahasa percakapan; dan (6) sastera lama.

Terdapat juga beberapa perkataan lain yang berasal daripada: (1) bahasa Melayu bukan dari Malaysia, dan (2) bahasa asing (bukan Melayu) namun maknanya bersesuaian dengan konteks penggunaan dalam teks sumber, misalnya perkataan Jawa (“gabuk” dan “memanggul”), perkataan Jakarta (“membekam”) dan perkataan Arab (“isim”). Penggunaan perkataan “gabuk” dapat dilihat dalam contoh berikut:

Tukya menunjal-nunjalkan tumitnya ke akar yang mencengkam. Tidak ada tanda-tanda tanah **gabuk**, malah pada perdu yang besar itu, akarnya merakap pengcengkam tanah seperti tidak akan tumbang seratus tahun lagi. (p. 138)

Sebagai contoh, *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2015) memberikan beberapa pengertian bagi perkataan “gabuk”. Namun begitu, pengertian yang dilabelkan sebagai “Jw” atau Jawa membawa maksud yang paling sesuai dengan konteks penggunaan perkataan dialek dalam teks di atas, iaitu “tidak berbuah, hampa atau tidak berisi tetapi besar”. Keadaan ini sesuai sekali menggambarkan ketiadaan tanah yang kosong atau berlohong yang dapat dikesan Tukya, melainkan tanah tersebut padat dan turut mengandungi akar pohon cengal yang ingin ditumbangkannya.

Penggunaan perkataan “membekam” pula dapat dilihat dalam contoh berikut (2001, p. 160):

“Takik, atuk! Takik, atuk! Tukya seperti mendengar suara dari arah curam. Suara itu suara Lamin, ketika lantunan kapaknya **membekam** batang cengal yang keras itu.

Perkataan “membekam” tersebut membawa maksud “mencengkeram atau mencekau”, iaitu salah satu maksud perkataan “bekam” yang diberikan oleh *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2015). Maksud tersebut adalah paling sesuai untuk menggambarkan cengkaman kapak Tukya terhadap batang cengal, namun pada masa yang sama perkataan “bekam” yang mempunyai maksud tersebut dilabelkan dengan “Jk” atau Jakarta. Oleh itu, secara ringkasnya, perkataan yang berasal daripada (1) bahasa Melayu bukan dari Malaysia, dan (2) bahasa asing (bukan Melayu), tidak diambil kira sebagai contoh perkataan dialek walaupun bersesuaian dengan konteks penggunaan teks sumber dalam kajian ini.

Jadual 2 memaparkan klasifikasi keseluruhan dialek yang terdapat dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung*. Perlu dinyatakan juga bahawa terdapat dialek yang disertakan dengan perkataan yang sama dalam kurungan, misalnya “kator (katoq)”. Perkataan “kator” ialah perkataan yang diekstrak daripada novel yang dikaji, manakala perkataan dalam kurungan (katoq) ialah variasi perkataan yang sama yang ditemui dalam *Siri Glosari Dialek Melayu Semenanjung* atau *Kamus Dewan* Edisi Keempat atau PRPM. Jadual 3 dan Rajah 4 merumuskan jumlah dan klasifikasi perkataan dialek yang diekstrak daripada teks sumber.\*Transkripsi sebutan hanya sekadar panduan dan dilakukan berdasarkan idiolek pengkaji.

## **PENGGUNAAN DIALEK GEOGRAFI DALAM *SEORANG TUA DI KAKI GUNUNG***

Dialek dalam kategori ini merujuk perkataan yang digunakan di kawasan, daerah atau negeri yang berlainan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori ini mengandungi jumlah keseluruhan dialek geografi yang lebih dominan jika dibandingkan dengan kategori dialek sosial. Secara keseluruhan, terdapat 53 (78%) perkataan dikategorikan sebagai dialek geografi yang telah dikenal pasti dalam teks sumber. Perkataan tersebut berasal dari beberapa kawasan geografi yang berlainan di Semenanjung Malaysia, khususnya di bahagian utara dan timur Semenanjung.

**Jadual 2** Senarai dialek dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* serta klasifikasi dan kategorinya.

Bil.	Perkataan dialek	Transkripsi	Label	Halaman	Klasifikasi Dialek	Kategori
1.	kator (katoq)	/ka.tɔʃ/	Kd	2, 34, 34, 60, 198	Geografi	Kedah
2.	banat	/ba.nat/	Kd	2, 91, 121, 121		
3.	jerap	/jə.ɣap/	Kd	9, 12		
4.	sereyat	/sə.ɣə.jat/	Kd	10, 10, 10, 11, 15		
5.	terkerisin (kerisin/kerising)	/tə.kə.yi.sen/	Kd	11, 69, 74		
6.	menonyoh	/mə.nə.ɲoh/	Kd	12, 65		
7.	kelmarin dahulu (kelmarin dulu)	/k ə . m a . ɣ ə n . du.lu/	Kd	15, 15, 178		
8.	hijau merengau	/hi.jau.mə.ɣə.ɲau/	Kd	18		
9.	baruh (baroh)	/ba.ɣoh/	Kd	20, 21, 21		
10.	melilau	/mə.li.lau/	Kd	24, 29		
11.	Tukwan (tok wan)	/toʔ.wan/	Kd	27		
12.	celapak	/cə.la.pəʔ/	Kd	27, 41, 108		
13.	terconget-conget	/tə.co.ɲet.co.ɲet/	Kd	hlm. 32)		
14.	tanak	/ta.nəʔ/	Kd	10, 24, 34, 147, 148, 178, 178, 178, 188		
15.	terlepok	/tə.le.pəʔ/	Kd	35, 80		
16.	peleceh (pelece)	/pə.le.ce/	Kd	35, 80		
17.	dikerunas-kerunas (kerunas/kerunaeh)	/kə.ɣu.nəh/	Kd	44		
18.	terkelehom (kelohom)	/kə.lo.hom/	Kd	57		

*Samb. Jadual 2*

Bil.	Perkataan dialek	Transkripsi	Label	Halaman	Klasifikasi Dialek	Kategori
19.	kona	/ko.na/	Kd	60		
20.	acar (acaq)	/a.caʃ/	Kd	66		
21.	berlonyang-lonyang (lonyiang)	/bə.lo.ŋaŋ.lo.ŋaŋ/	Kd	71, 72		
22.	rintis	/yin.teh/	Kd	73, 74, 74		
23.	setakah demi setakah (takah)	/sə.ta.kah.də.mi.sə.ta.kah/	Kd	75, 78, 194		
24.	mengembat- ngembat	/mə.ŋəm.bat.ŋəm.bat/	Kd	75, 75)		
25.	memedap	/mə.mə.dap/	Kd	87, 87-88		
26.	terkeleweh (leweh)	/tə.kə.le.weh/	Kd	133, 201, 202		
27.	gelang geta (galang geta)	/gə.laŋ.gə.tə/	Kd	137, 170, 172		
28.	tercongget- congget (cunggit)	/tə.cuŋ.get.cuŋ.get/	Kd	143, 196		
29.	buyung (buyong)	/bu.joŋ/	Kd	154		
30.	Qulhu	/qul.hu/	Kd	180		
31.	gemal (gemai)	/gə.mai/	Kd	189		
32.	tauk (tauk/ taok)	/ta.uʔ/	Kd, Pn	196		
33.	cabai (cabai idop)	/ca.bai.i.dop/	Kd	5		
34.	jenuh (jenuh/ jenoh)	/jə.noh/	Kd, Pn	8, 76, 198		
35.	terkernyih (kerenyeh)	/tə.kə.yə.ŋeh/	Kd, Pn	11, 31, 33, 69, 74, 80, 80		
36.	sekupang	/sə.ku.paŋ/	Kd, Pn	17		
37.	berkeresoi	/bə.kə.yə.soi/	Kd, Pn	28, 83		
13.	terconget- conget	/tə.co.ŋet.co.ŋet/	Kd	hlm. 32)		



*Samb. Jadual 2*

Bil.	Perkataan dialek	Transkripsi	Label	Halaman	Klasifikasi Dialek	Kategori
38.	pelenggar (pelenggar/ pelenggaq)	/pə.lɛŋ.ɡaʃ/	Kd, Pn	68, 87, 101, 160, 178, 188, 196		
39.	genuak	/gə.nu.waʔ/	Pn	7, 16, 28, 42, 55, 61, 108, 109, 110, 124, 132, 172		
40.	tinggi melayup	/tiŋ.gi.mə.la.jup/	Pn	19	Geografi	Kedah
41.	gincah (kincah)	/kin.cah/	Pn	24, 114		
42.	seredak	/sə.ʁə.dɑʔ/	Pn	64		
43.	menyentot (sentot)	/mə.nən.tət/	Pn	28		
44.	gabuk	/ɡa.boʔ/	Pn	83		
45.	mumbang	/mum.baŋ/	Pn	92		
46.	terkelepek	/tə.kə.lɛ.pɛʔ/		107, 160, 176		
47.	merapak	/mə.ʁa.pɑʔ/	Kd, Kl, Ph, Pn	197		Kedah, Kelantan, Pahang
48.	berceragah	/bə.cə.ʁa.ɡah/	Kd, Kl	150, 161, 180		Kedah, Kelantan
49.	kerabat	/kə.ʁa.bat/	Kd, Kl, Tr	196		Kedah, Kelantan, Terengganu
50.	terjerguk (jereguk)	/tə.ʁə.ʁə.ɡoʔ/	Kl	11		Kelantan
51.	berkelarah	/bə.kə.la.ʁah/	Kl	38		
52.	jerung	/ʁə.ʁoŋ/	Kl	173, 173		
53.	jadah	/ja.dah/	NS	133, 201		Negeri Sembilan
54.	melenggung (lenggong)	/mə.ləŋ.ɡoŋ/	ark	28		
55.	bercempera	/bə.cəm.pə.ʁa/	ark	33, 111		

Samb. **Jadual 2**


Bil.	Perkataan dialek	Transkripsi	Label	Halaman	Klasifikasi Dialek	Kategori
56.	timbang balik	/tim.bai.ba.leʔ/	ark	117		bahasa percakap-an
57.	fiil	/pe.ʔel/	ark	182, 184		
58.	mengepak	/mə.ŋe.paʔ/	ark	201		
59.	terkeremot (keremot/ keremut)	/tə.kə.yə.mot/	ark	208		
60.	meragas	/mə.ya.gəh/	bp	26		
61.	syok	/ʃɔʃ/	bp	35		
62.	misan	/mi.san/	bp	15, 42, 68, 106, 159		
63.	taubat	/tau.bat/	bp	110		
64.	pungkur	/puŋ.kɔʃ/	sl	19, 34		Sastera lama
65.	tungging (tonggeng)	/di.ka.leh/	sl	22, 154		
66.	dikalih	/di.ka.leh/	sl	133		
67.	likur	/li.kor/	sl	174, 175		
68.	ayun- temayun	/a.jon.tə.ma. jon/	sl	177		

**Jadual 3** Jumlah peratus dialek dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* berdasarkan jenis.

Klasifikasi Dialek	Kategori	Label	Bilangan	Peratus
Geografi	Kedah termasuk Pulau Pinang (Utara)	Kd	46	67.6
	Kedah & Kelantan	Kd & Kl	1	1.5
	Kedah, Kelantan & Terengganu	Kd, Kl & Tr	1	1.5
	Kedah termasuk Pulau Pinang (Utara), Kelantan & Pahang	Kd, Kl & Ph	1	1.5
	Kelantan	Kl	3	4.4
	Negeri Sembilan	NS	1	1.5

*Samb. Jadual 3*

Klasifikasi Dialek	Kategori	Label	Bilangan	Peratus
Sosial	Arkaik	ark	6	8.8
	Bahasa Percakapan	bp	4	5.9
	Sastera Lama	sl	5	7.3
Jumlah			68	100



**Rajah 4** Peratus perkataan dialek dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* berdasarkan jenis.

### Dialek Kedah atau Dialek Utara

Dialek dalam kategori ini merangkumi empat kawasan di Semenanjung Malaysia, iaitu (1) Perlis; (2) Kedah; (3) Pulau Pinang; dan (4) Perak Utara. Kategori ini merekodkan jumlah perkataan dalam teks sumber yang paling tinggi antara keseluruhan subkategori dialek, termasuklah subkategori dialek geografi dan sosial. Kebanyakan perkataan dialek ini berasal dari negeri Kedah, sesuai dengan latar tempat dan tempat asal pengarang teks

sumber, iaitu Kedah. Secara lebih khusus, latar tempat bagi teks sumber ini benar-benar wujud dan bukan sekadar direka oleh pengarang, iaitu Gunung Bongsu di Karangan, Kulim, Kedah yang tidak asing lagi bagi penulisnya. Menurut Azizi Haji Abdullah (2007, p.102):

Saya tidak perlu banyak berfikir tentang syarat-syarat atau bingkai sebuah novel kerana ia sudah lama terpetakan dalam kotak fikiran. Misalnya tentang seting atau latar. Gunung Bongsu ialah seting STDG. Gunung Bongsu ialah satu perkampungan yang terletak dalam kawasan Karangan, Kedah. Pada awal tahun 1970 – 1971 saya bertugas di Sekolah Kebangsaan Ladang Dublin, Karangan, Kedah ... Saya arif benar dengan kampung itu, jadi tidaklah ada masalah jika saya jadikan Gunung Bongsu sebagai seting.

Oleh hal yang demikian, penggunaan perkataan dalam dialek Kedah yang membentuk majoriti keseluruhan dialek dalam teks sumber tersebut jelas sekali dipengaruhi oleh pengalaman hidup pengarang teks sumber sendiri. Yang berikut ialah contoh penggunaan dialek Kedah yang dikenal pasti dalam teks sumber (2001, pp. 80 & 121).

Tetapi **terkernyihnya** itu tidak lama. Badannya terasa dicucuk-cucuk oleh sengatan yang tidak mengenal ampun itu.

“Rimba banat inilah tempat lahirnya orang yang menjadi suaminya,”  
Tukya seakan-akan mahu meluahkan begitu.

Selain perkataan dari negeri Kedah, terdapat juga perkataan yang berasal dari negeri Pulau Pinang. Terdapat tujuh perkataan yang dikongsi antara kedua-dua negeri ini (satu daripadanya berkongsi dengan dua lagi negeri, iaitu Kelantan dan Pahang). Tujuh perkataan tersebut ialah “cabai”, “jenuh”, “terkernyih”, “sekupang”, “berkereso” dan “pelenggar” (dikongsi antara negeri Kedah dan Pulau Pinang) serta “merapak” (turut dikongsi bersama negeri Kelantan dan Pahang). Perkataan ini dieja atau disenaraikan sebagai “cabai idop”, “jenoh”, “kerenyeh”, dan “pelenggar/pelenggaq” dalam *Siri Glosari Dialek Melayu Semenanjung/Kamus Dewan* Edisi Keempat/PRPM) Perkataan “berceragah” pula dikongsi bersama oleh dialek Kedah dengan dialek Kelantan, manakala perkataan “kerabat” pula dikongsi oleh dialek Kedah, Kelantan dan Terengganu. Tiada perkataan daripada dialek Perlis dan Perak Utara yang dapat dikenal pasti daripada teks sumber.

## Dialek Kelantan

Bagi kategori ini, tempat asal perkataan merangkumi kawasan di sebelah timur laut Semenanjung Malaysia, iaitu negeri (1) Kelantan dan beberapa kawasan sempadan; (2) Pahang; dan (3) Terengganu. Jumlah keseluruhan dialek bagi kategori ini ialah enam termasuk perkataan “berceragah” (juga sebahagian daripada dialek Kedah), “kerabat” (juga sebahagian daripada dialek Kedah dan Terengganu) dan “merapak” (turut tergolong dalam kategori dialek Kedah, Pulau Pinang dan Pahang). Perkataan lain dalam kategori ini ialah “terjerguk (jereguk)”, “berkelarah” dan “jerung”. Kategori ini mempunyai jumlah dialek kedua tertinggi (tidak termasuk Pulau Pinang yang berada di bawah kategori dialek Kedah) selepas dialek Kedah bagi kategori dialek geografi. Penggunaan perkataan “terjerguk” dapat dilihat dalam contoh berikut (2001, p. 11): “Wajah Lamin selalu **terjerguk** di kelopak matanya”.

Seperti yang telah disebut pada bahagian “Pendahuluan”, perkongsian perkataan antara beberapa jenis dialek yang dituturkan di daerah atau kawasan geografi berlainan bukanlah sesuatu yang mustahil. Hal sedemikian adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya termasuklah faktor hubungan antara dialek yang bersifat seperti rangkaian atau lilitan yang saling bertindih antara satu sama lain (Asmah 2008, pp. 121-122).

## Dialek Pahang

Perkataan dalam kategori ini merupakan dialek yang dituturkan di seluruh negeri Pahang. Dalam kajian ini, data menunjukkan terdapat satu perkataan dalam dialek Pahang dapat dikenal pasti daripada keseluruhan 68 perkataan dialek. Seperti yang telah dinyatakan pada penerangan tentang dialek Kedah dan Kelantan sebelum ini, perkataan tersebut ialah “merapak” yang membawa maksud “bunyi riuh-rendah, rancak (rebana dan lain-lain) dan bunyi kuat (pokok tumbang dan lain-lain)” (*Kamus Dewan* Edisi Keempat, 2015):

Bukankah dengan ayunan terakhirnya batang cengal yang besar itu berbunyi **merapak** rapuh lalu condong sedikit demi sedikit dan akhirnya rebah.

(2001, p.197)

## Dialek Negeri Sembilan

Selain Pahang, terdapat juga satu perkataan yang berasal dari Negeri Sembilan. Bagi kategori ini, dialek yang dituturkan berasal dari kawasan di Negeri Sembilan, iaitu negeri yang turut bersempadan dengan negeri Pahang. Dialek tersebut ialah “jadah” yang muncul sebanyak tiga kali dalam teks sumber. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, perkataan “jadah” yang diekstrak hanyalah daripada dua contoh, iaitu yang berlabel “NS” dan bermaksud “hal atau tujuan” (*Glosari Dialek Kelantan*, 2016):

Apakah **jadahnya** apabila kepulauan Fikri kali ini, kehadiran Fatimah menantunya dan kemunculan Farid cucunya, menyebabkan fikirannya bagai didesak.

(2001, p. 133)

Kajian ini mendapati bahawa tiada perkataan daripada dialek Perak dan dialek selatan yang digunakan dalam novel ini. Selain itu, terdapat satu perkataan dalam dialek Terengganu yang turut dikongsi bersama dengan dialek Kedah, iaitu “kerabat”: “Di belakang rumah, beberapa kali ayam jantan berbalung gelambir berkokok menang kerana sudah selesai **kerabat** ayam betina” (2001, p. 196).

## PENGGUNAAN DIALEK SOSIAL DALAM *SEORANG TUA DI KAKI GUNUNG*

Perkataan yang terangkum dalam kategori dialek sosial ini ialah perkataan yang digunakan oleh kelompok atau kumpulan masyarakat tertentu berdasarkan ciri sosial tertentu. Seperti yang digariskan oleh Chambers dan Trudgill (1998, pp. 57-67, 72), ciri sosial tersebut ialah (1) bahasa dan kelas sosial; (2) stilistik atau gaya bahasa (formal dan kasual); (3) jantina; (4) umur; (5) kumpulan bahasa dan etnik; (6) jaringan sosial; dan (7) perwatakan atau ciri individu. Setiap ciri ini tidak semestinya menandai sesuatu kumpulan masyarakat secara tunggal atau bersendirian, memandangkan sesebuah komuniti mempunyai beberapa ciri yang wujud secara selari. Dalam kajian ini, jumlah keseluruhan perkataan bagi kategori dialek sosial ialah sebanyak 15 (22%) daripada 68 perkataan. Pengkategorian perkataan dalam dialek sosial dihuraikan dalam bahagian seterusnya.

## Bahasa Arkaik

Kategori ini merangkumi perkataan yang berikut: (a) perkataan yang jarang dipakai; (b) penggunaannya terbatas kepada sesuatu daerah atau lingkungan sahaja; (c) sudah kuno atau mati; dan d) disangsikan kebenarannya (disebabkan oleh salah baca, salah tulis, salah dengar, dan lain-lain) (*Glosari Dialek Kedah*, 2015). Terdapat enam perkataan arkaik (termasuk satu frasa) yang digunakan dalam teks sumber. Perkataan tersebut ialah “melenggung (lenggong)”, “bercempera”, “fiil”, “mengepak”, “terkeremot” dan frasa “timbang balik”. Penggunaan perkataan dialek “melenggung” dapat dilihat dalam contoh berikut: “Dah ... itu ha, duduk **melenggung** di muka pintu depan,” beritahu Besah. (2001, p. 28).

Jika ditafsirkan berdasarkan konteks penggunaan dalam teks sumber, perkataan ini kelihatan menepati ciri-ciri yang disenaraikan sebagai perkataan “arkaik”, khususnya kategori (a) dan (b) dan (c) (sudah kuno). Hal ini dapat dikaitkan dengan ciri-ciri sosial yang menggambarkan pengguna perkataan tersebut dalam teks sumber, iaitu Tukya, Besah serta penulis sendiri yang merupakan generasi lama. Oleh hal yang demikian, perkataan tersebut mungkin sudah jarang digunakan oleh generasi baharu yang lebih muda.

## Bahasa Percakapan

Bahasa percakapan ialah bahasa yang digunakan sehari-hari. Terdapat empat perkataan bagi kategori ini yang diekstrak daripada teks sumber, iaitu perkataan “misan”, “meragas”, “syok” dan “taubat”. Tiga daripada perkataan tersebut digunakan oleh Tukya, manakala satu lagi, iaitu “meragas”, digunakan oleh pengarang dalam penceritaan beliau sewaktu menggambarkan keinginan Tukya untuk membawa Lamin “meragas” gunung. Perkara ini bukanlah sesuatu yang tidak disengajakan oleh pengarang. Beliau berkemungkinan sengaja menggunakan bahasa percakapan dalam pertuturan Tukya untuk menggambarkan perlakuannya agar pembaca dapat memahami fungsi watak dan pemikiran Tukya dalam novel tersebut. Dalam cerita tersebut, Tukya digambarkan sebagai seorang tua yang telah menghabiskan hampir seumur hidupnya di perkampungan di kaki gunung. Pertuturannya bersifat kolokial yang dipengaruhi oleh latar belakangnya. Hal sedemikian juga turut diakui oleh watak Tukya sendiri dalam perbualannya dengan cucunya Lamin. Lamin masih muda dan mendapat pendidikan formal di Banda Raya Kuala Lumpur (2001, p. 68).

“Esok kita ambil **misan** lebah.”

“Bukan **misan**, madu!” tingkah Lamin dengan cepat dan kemudian ketawa kerana kata atuknya itu telah dibetulkannya.

“Yalah, orang sekolah kata madu, orang kampung kata misan.” (p. 42)

“Bila atuk nyalakan api, sabut ni berasaplah. Atuk akan layur dekat lebah tu. Bila kena asap, lebah tu akan terbang. Haaa, kita ambillah **misannya**,” kata Tukya lagi.

“Madunya!”

“Ya ... madunya,” Tukya tersenyum bangga kerana ajarannya mendapat perhatian.

## Sastera Lama

Sastera lama ialah bahasa yang digunakan dalam konteks sastera klasik dan boleh dianggap sebagai bertentangan dengan bahasa basahan atau bahasa percakapan. Dalam kajian ini, terdapat lima perkataan sastera lama yang dikenal pasti daripada teks sumber. Perkataan tersebut ialah “pungkur”, “tungging (tonggeng)”, “dikalih”, “likur”, dan “ayun-temayun”. Lima perkataan ini digunakan dalam penceritaan pengarang, melainkan satu iaitu “pungkur” yang turut digunakan dalam dialog yang dituturkan oleh Tukya. Penggunaan perkataan dialek “pungkur” dapat dilihat dalam contoh berikut: Tukya tergelak. “Sieeeee! Tangan seluk **pungkur** ayam!” katanya. (2001, p. 34)

Dalam kajian ini, pengkaji tidak menemui perkataan yang tergolong dalam kategori dialek sosial seperti bahasa dalam, bahasa halus dan bahasa kasar.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori dialek geografi lebih dominan jika dibandingkan dengan dialek sosial, khususnya perkataan yang berasal dari negeri Kedah yang membentuk majoriti dialek dalam teks sumber kajian ini. Hal sedemikian berkait rapat dengan dua faktor, iaitu (1) latar tempat novel yang menjadi pilihan pengarang, iaitu Gunung Bongsu di daerah Karangan, Kulim, Kedah; dan (2) tempat asal dan kelahiran penulis Azizi Haji Abdullah sendiri, iaitu juga negeri Kedah.

Selain dialek dari negeri Kedah, terdapat juga perkataan lain yang berasal dari negeri seperti Pulau Pinang (termasuk dalam kategori dialek Kedah), Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan dan Terengganu. Dapatan



ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa pertembungan dan penyerapan dialek sesama kawasan (daerah atau negeri) merupakan sesuatu yang lumrah. Menurut Asmah (2008, pp. 122-123), pertembungan antara dialek dan penyerapan dialek dalam sesuatu kawasan lain boleh berlaku atas faktor kekeluargaan (perkahwinan antara masyarakat dari dua kawasan dialek berlainan), perdagangan dan sebagainya. Petyt (1980, p. 31) pula menambah bahawa masa juga menghasilkan pelbagai inovasi baru yang turut dipindahkan dan dikongsikan antara kawasan yang berbeza; oleh itu, pertembungan dan penyerapan sesama dialek akan turut mengambil tempat. Penyerapan tersebut diulas oleh Chambers dan Trudgill (1998, p. 166) dalam satu analogi menggunakan “model gelombang” (*wave model*) yang menggambarkan perpindahan inovasi (yang mempengaruhi penyebaran dialek) seperti gelombang yang terhasil dan bergerak ke persekitarannya apabila batu dibaling ke dalam air. Apabila dibaling, batu tersebut juga melompat ke kawasan yang lebih jauh merentasi kawasan berdekatan. Perkara yang sama berlaku terhadap inovasi yang “melompat” dari satu kawasan ke satu kawasan lain yang terletak berjauhan, oleh itu turut membawa bahasa (dialek) yang akan tersebar ke kawasan tersebut. Begitulah juga perihalnya tentang penggunaan dialek bagi kawasan lain yang tidak bersempadan dengan negeri Kedah seperti negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan dalam teks sumber kajian ini.

Selain itu, terdapat juga perkataan dialek sosial yang turut digunakan dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung*. Kategori perkataan arkaik, bahasa percakapan dan sastera lama digunakan dalam kedua-dua pertuturan watak dan penceritaan penulis sendiri. Seperti dialek geografi, penggunaan dialek sosial daripada kategori seperti yang telah dinyatakan dipengaruhi dua perkara, iaitu 1) latar masa dan masyarakat novel, dan 2) latar belakang penulis Azizi Haji Abdullah. Penggunaan perkataan arkaik, bahasa percakapan dan sastera lama dipengaruhi oleh latar masyarakat bagi watak utama atau watak yang kerap muncul dalam novel tersebut, iaitu Tukya dan Besah, dan beberapa orang kampung lain. Mereka hidup dengan dikelilingi masyarakat kampung yang tinggal di kaki gunung. Masyarakat kampung tersebut, termasuklah Tukya dan Besah, rata-rata tidak memperoleh pendidikan secara formal, malah sekiranya ada hanya pada peringkat awal seperti Taha, anak muda yang hanya belajar sehingga Tingkatan Satu (*Seorang Tua di Kaki Gunung*, p. 16). Oleh itu, penggunaan jenis perkataan dialek sosial tersebut merupakan sesuatu yang mencerminkan kehidupan watak tersebut. Gambaran tentang latar masyarakat novel pada masa yang sama turut mencerminkan ciri-ciri

sosial yang mempengaruhi penggunaan dialek sosial seperti yang diulas oleh Chambers dan Trudgill (1998, pp. 57-67, 72), antaranya termasuklah bahasa dan kelas sosial, stilistik atau gaya bahasa (formal dan kasual), umur, kumpulan bahasa dan etnik dan jaringan sosial. Penggunaan perkataan dialek sosial, seperti perkataan arkaik dan sastera lama dalam penceritaan penulis, dipengaruhi konteks masa penghasilan novel, iaitu lebih tiga puluh dekad yang lalu (sekitar tahun 1982). Selain masa, faktor lain yang turut mempengaruhi penulisannya ialah komuniti penulis yang terdiri daripada ahli sastera, karyawan atau penulis seperti beliau.

Beberapa cabaran dan penemuan yang dihadapi sepanjang proses pelaksanaan kajian ini. Didapati wujud perkataan dialek sama yang dieja dengan ejaan yang berlainan dalam *Siri Glosari Dialek Semenanjung, Kamus Dewan* Edisi Keempat dan laman sesawang PRPM walaupun ketiga-tiganya diselia oleh penerbit yang sama (contoh: perkataan dialek seperti “jenuh”, “kernyih”, dan “jerguk” yang terdapat dalam teks sumber dieja sebagai “jenoh”, “kerenyeh” dan “jereguk” dalam sumber rujukan DBP). Hal sedemikian menyebabkan kekeliruan pada peringkat mengekstrak perkataan dialek daripada senarai perkataan tidak standard yang dikenal pasti di awal kajian. Hal ini memberikan gambaran bahawa terdapat keperluan untuk melakukan penambahbaikan pada sumber rujukan rasmi bahasa Melayu ini. Selain itu, terdapat beberapa perkataan yang digunakan oleh penulis teks sumber yang langsung tidak direkodkan dalam mana-mana sumber rujukan tersebut (rujuk Lampiran A untuk senarai perkataan tidak standard). Perkataan tersebut berkemungkinan juga tergolong dalam kategori perkataan dialek yang masih dalam perbincangan atau belum dikenal pasti pada peringkat perekodan istilah dalam bahasa Melayu oleh pakar bahasa tersebut.

## **KESIMPULAN**

Penggunaan dialek dalam karya sastera Melayu tidak kurang kewujudannya jika dibandingkan dengan karya sastera asing. Kewujudan karya sastera yang mengandungi elemen dialek Melayu ini membuka ruang dan peluang yang amat luas untuk pelbagai kajian dilakukan berkaitan dialek Melayu. Hal sedemikian bukan sekadar untuk memartabatkan dialek sebagai khazanah negara yang boleh diwariskan kepada generasi masa hadapan bahkan juga untuk memberikan akses dan pemahaman kepada komuniti luar tentang kekayaan dan penggunaan dialek yang amat sebatu dalam kehidupan harian masyarakat di Malaysia seperti karya yang dikaji

dalam makalah ini, iaitu novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* oleh Azizi Haji Abdullah.

Kajian mendapati penggunaan dialek geografi yang lebih dominan berbanding dialek sosial. Dialek Geografi berasal dari negeri Kedah membentuk majoriti dialek dalam teks sumber kajian ini di samping perkataan dialek lain yang berasal dari negeri seperti Pulau Pinang, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan dan Terengganu. Dari segi dialek sosial pula ditemui penggunaan bahasa arkaik, bahasa percakapan dan juga sastera lama. Kajian ini mendapati latar belakang dan persekitaran penulis mempengaruhi bahasa yang digunakan dalam penulisannya.

Secara tuntasnya, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada perkembangan kajian yang berkaitan dengan kesusasteraan dan dialek Melayu di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Dr. Radiah Yusoff atas bantuan dari segi penyediaan transkripsi fonetik dalam makalah ini.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). Bahasa standard, dialek dan dialek-antara: Beberapa persoalan teoretis. *Journal of Modern Languages*, 12(1), 1-18.
- Azizi Haji Abdullah (2001). *Seorang tua di kaki gunung (Siri novel Malaysia pilihan abad 20)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Rhythm Consolidated Berhad.
- Azizi Haji Abdullah (2007). *Kuras-kuras kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berezowski, L. (1997). *Dialect in translation* (No. 1996). Poland: Wydawnictwo Uniwersytetu Wrocławskiego.
- Chambers, J.K. & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. 2nd ed. Cambridge: Cambridge University Press.
- Collins, J.T. (1989). Pendahuluan. Dlm. J.T. Collins (Ed.). *Antologi kajian dialek Melayu* (hlm. xvii-xxii). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (2018). *Bibliografi dialek Melayu Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dimitrova, E. B. (1997). Translation of dialect in fictional prose – Vilhelm Moberg in Russian and English as a case in point. In Norm, variation and change in language. Proceedings of the centenary meeting of the Nyfilologiska sällskapet, Nedre Manilla 22-23 March 1996. Stockholm: Almqvist & Wiksel.
- Dimitrova, E.B. (2004). Orality, literacy, reproduction of discourse and the translation of dialect. In. I. Helin (Ed.). *Dialektübersetzung und Dialekte in Multimedia*. Frankfurt am Main: Peter Lang.
- Glosari dialek Kedah*. (2015). Edisi Kedua Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Kelantan*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Melaka* (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Negeri Sembilan*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Pahang*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Perak*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Pulau Pinang*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Johor*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Terengganu*. (2015). (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Herrera, J.M.R. (2014). The reverse side of Mark Twain’s brocade: The adventures of Huckleberry Finn and the translation of dialect. *European Journal of English Studies*, 18(3), 278-294.
- Kamus Dewan*.(2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leppihalme, R. (2000). The two faces of standardization: On the translation of regionalisms in literary dialogue. *The Translator*, 6(2), 247-269.
- Lung, R. (2000). Non-standard language in translation. *Perspectives: Studies in Translatology*, 8(4), 267-274.
- Määttä, S.K. (2004). Dialect and point of view: The ideology of translation in *The Sound and The Fury* in French. *Target: International Journal of Translation Studies*, 16(2), 319-339.
- Mohammed Azlan Mis & Idris Aman (2014). Dialek. In Idris Aman & Mohammed Azlan Mis (Eds.). *Variasi bahasa*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordquist, R. (2017, April 25). Social dialect or sociolect: definition and examples – Glossary of grammatical and rhetorical terms. ThoughtCo. Capaian

- daripada <https://www.thoughtco.com/social-dialect-sociolect-1692109> [23 Mac 2018].
- Nursham bt Abdul Aziz (2015). Novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian intertekstualiti. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Petyt, K.M. (1980). *The study of dialect – An introduction to dialectology*. London: André Deutsch Limited.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) © 2008-2017 Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpm.dbp.gov.my/> (dicapai pada 23 Februari 2017).
- Sahlan Mohd. Saman (1984). *Ulasan Seorang Tua di Kaki Gunung*. Kuala Lumpur: Penerbitan TraTra.
- Taylor, D. (2014, Oktober 3). A difficulty with dialect. *The Guardian*. Capaian daripada <https://www.theguardian.com/books/2014/oct/03/a-difficulty-with-dialect> [24 Mac 2018].
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2006). Pertentangan nilai dan psikologi orang tua dalam *Seorang Tua di Kaki Gunung*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 307-329.
- Trudgill, P. (1979). Standard and non-standard dialects of English in the United Kingdom: problem and policies. *International Journal of the Sociology of Language*, 21, 9-24.
- Twain, M. (2008). *The adventures of Huckleberry Finn*. Oxford: Oxford University Press.
- Zuck, L.V. & Goodman, Y.M. (1972). On dialects and reading. *Journal of Reading*, 15(7), 500-503.

Diperoleh (*received*): 16 April 2018

Diterima (*accepted*): 8 Mei 2018

## LAMPIRAN

Senarai perkataan tidak standard dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung*

Bil.	Perkataan tidak standard	Hlm.	Kategori	Bil.	Perkataan tidak standard	Hlm.	Kategori
1.	kator (katoq)	2	Dialek Kedah (Kd)	26.	gelang geta (galang geta)	137	Dialek Kedah (Kd)
2.	banat	2		27.	tercongget-congget (cunggit)	180	
3.	jerap	9		28.	buyung (buyong)		
4.	sereyat	10		29.	Qulhu	180	
5.	tanak	10		30.	gemal (gemai)	189	
6.	menonyoh	12		31.	tauk (tauk/taok)	196	
7.	kelmarin dahulu (kelmarin dulu)	15		32.	genuak	7	Dialek Pulau Pinang (Pn)
8.	hijau merengau	18		33.	tinggi melayup	19	
9.	baruh (baroh)	20		34.	gincah (kincah)	24	
10.	melilau	24		35.	menyentot (sentot)	28	
11.	Tukwan (tok wan)	27		36.	sередak	64	
12.	celapak	27		37.	gabuk	83	
13.	terconget-conget	32		38.	mumbang	92	
14.	terlepok	35		39.	terkelepek	107	
15.	peleceh (pelece)	35		40.	terjerguk (jerejuk)	11	Dialek Kelantan (Kl)
16.	dikerunas-kerunas (kerunas/kerunaeh)	44		41.	berkelarah	38	
17.	terkelehom (kelohom)	57		42.	jerung	173	
18.	kona	60		43.	jadahnya	133	Dialek Negeri Sembilan
19.	acar (acaq)	66		44.	cabai (cabai idop)	8	Dialek Kedah dan Pulau Pinang (Kd & Pn)
20.	berlonyang-lonyang (lonyang)	71		45.	jenuh (jenuh/jenoh)	11	
21.	rintis	73		46.	terkerisin (kerisin/kerising)	11	
22.	mengembat-ngembat	75		47.	terkernyih (kernyeh)	17	
23.	setakah demi setakah (takah)	75		48.	sekupang	28	
24.	memedap	87		49.	berkeresoi	28	
25.	terkelewah (leweh)	133					

Bil.	Perkataan tidak standard	Hlm.	Kategori	Bil.	Perkataan tidak standard	Hlm.	Kategori
50.	pelenggar (pelenggar/pelenggaq)	68	Dialek Kedah dan Pulau Pinang (Kd & Pn)	83.	kelat	20	Perkataan tidak berlabel dalam sumber rujukan
51.	mengersol (keresoi)	83		84.	mempening	20	
52.	berceragah	150	(Kd & Kl)	85.	balau	21	
53.	kerabat	196	(Kd Pn, Kl & Tr)	86.	keruing	21	
54.	merapak	197	(Kd Pn, Kl & Ph)	87.	bitis	21	
55.	melengging (lenggong)	28	arkaik (ark)	88.	keledang	21	
56.	bercempura	33		89.	kempas	21	
57.	timbang balik	117		90.	rengas	21	
58.	fiil	182		91.	taban	21	
59.	mengepak	201		92.	dama	21	
60.	terkeremot (keremot/keremut)	208		93.	tulat	22	
61.	misan	15	bahasa percakapan (bp)	94.	terhinggut-hinggut	22	
62.	meragas	26		95.	terkedek-kedek	22	
63.	syok	35		96.	berkereh-kereh (kerih)	23	
64.	nisan (misan)	59		97.	"lemek" (lembek)	24	
65.	taubat	110	sastera lama (sl)	98.	sentung	24	
66.	pungkur	19		99.	lasam	25	
67.	tungging (tonggeng)	22		100.	terjongkok	25	
68.	dikalih	133		102.	tercanguk	27	
69.	likur	174		103.	bubuh	28	
70.	ayun-temayun	177		104.	bangkit	28	
71.	jakun	6	Perkataan tidak berlabel dalam sumber rujukan	105.	kerubung	29	
72.	perdu	8		106.	terkenggang-kenggang	30	
73.	becak	8		107.	kelubi	31	
74.	panggung	9		108.	hambat	31	
75.	kecipak	9		109.	cenerai	33	
76.	(batu-batu) kawi	9		109.	cenerai	33	
77.	kerap-kerap	9		110.	lemba	33	
78.	kongkiak	10		111.	karan	35	
79.	kepot	13		112.	menggelesek	37	
80.	gobek	15		113.	dihimbau	37	
81.	celepa	15		114.	bungkam	42	
82.	geruk	20		115.	giam	45	

HASLINA HAROON DAN ADILAH ZABIR

Bil.	Perkataan tidak standard	Hlm.	Kategori	Bil.	Perkataan tidak standard	Hlm.	Kategori
116.	jerumun	47	Perkataan tidak berlabel dalam sumber rujukan	154.	dikodek-kodekkan	91	Perkataan tidak berlabel dalam sumber rujukan
117.	menerawang	48		155.	menggodek-godek	92	
118.	kreh-kreh (kerih)	50		156.	sengkeling	92	
119.	sederap	50		157.	bengkung	94	
120.	diketis-ketis	51		158.	diselempangkan	95	
121.	puput	52		157.	bengkung	94	
122.	disuakan	56		158.	diselempangkan	95	
123.	jamung	58		159.	berkeriut-keriut	103	
124.	bercerгах (ceragah)	60		160.	bongkok sabut	104	
125.	diranduk	62		161.	ditenyeh-tenyeh	107	
126.	berkelupur (gelupur)	65		162.	kederat (kudrat)	107	
127.	terkedip-kedip	66		163.	berkelok-kelok	111	
128.	pulur	68		164.	domol	111	
129.	berceruit-ceruit	69		165.	tambun	113	
130.	cekah	69		166.	jerlus	121	
131.	dirimbас	71		167.	dicempungnya	126	
132.	londang	71		168.	tersembul	130	
133.	lejang	73		169.	terjengul	131	
134.	terpengap-pengap	73		170.	seluar tongkah hitam	134	
134.	terpengap-pengap	73		171.	dempak	136	
135.	sigai	73		172.	tujuh	137	
136.	geli-geman	72		173.	tuas	137	
137.	rengkuh	74		174.	kelicap	137	
138.	terkemut-kemut	75		175.	rasuk	137	
139.	tunjalan	75		176.	jenang	137	
140.	dikuak	76		177.	rembang	139	
141.	menggawang-gawang	76		178.	melayah	140	
142.	meredap	76		179.	alang	141	
143.	meraih-raih	77		180.	koleh (kole)	143	
144.	susup-sasap	79		181.	menerobos	144	
145.	tergalang	79		182.	puntung	148	
146.	ditokak-tokak	80		183.	subuh gajah	150	
147.	merincik	80		184.	lakum	151	
148.	dirongkai (rungkai)	81	185.	dibaji	154		
149.	menyelusup	81	186.	delapan	156		
150.	bercerau-cerau	81	187.	belikat	161		
151.	jerumun	84	188.	dilatam	166		
152.	bakup	88	189.	terkedang	171		
153.	demah	88	190.	mengelek	178		



Bil.	Perkataan tidak standard	Hlm.	Kategori	Bil.	Perkataan tidak standard	Hlm.	Kategori
191.	terpelahang	183	Perkataan tidak berlabel dalam sumber rujukan	221.	mengarap-ngarap	203	Perkataan tidak tersenarai dalam sumber rujukan
192.	menyanga	195		222.	tersemban	208	
193.	kerekot	200		223.	(air) lokan	10	
194.	tutuh	201		224.	meritih	20	
195.	sungkap	201		225.	sayup	31	
196.	berkerutu	207		226.	terkakap-kakap	33	
197.	kerepot	213		227.	merakap	35	
198.	berhorah-horah	22		228.	menyenda	42	
199.	pokka	34		229.	kuas	46	
200.	bercengai	44		230.	kememeh	47	
201.	tugukan	45	231.	melupas-lupas	64	Perkataan tidak berlabel dalam sumber rujukan	
202.	kotakfikir	48	232.	renet	69		
203.	dikeca-keca	65	233.	terkapuk	82		
204.	tempeneh	70	234.	tersembap	110		
205.	mencerus	72	235.	meregeh	116		
206.	kelepap-kelepap	73	236.	menyempung	136		
207.	lemayur	77	237.	bersirat pukat	139		
208.	mereng	79	238.	menguku	151		
209.	berlutin	81	239.	bangat	164		
210.	andangan	85	240.	kepak	164		
211.	semakraq dua	100	241.	lenggok	208		
212.	tercanggak	102	242.	dibongkah	208		
213.	menjengil	112	243.	tanjak	56		
214.	terlintuk-lintuk	144	244.	burdah	74		
215.	setuaran	153	245.	panggul	74		
216.	jemburan	153	245.	panggul	76		
217.	balai lentang	153	246.	berkelun-kelun	131		
218.	rembungan	156	247.	bersipongang	148		
219.	kayu sepayang	156	248.	isim	152		
220.	hukamak	156	249.	terkebak			